



Headline: Macau Scam: Jangan panik terima panggilan, lapor segera

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)

Date: 2 August 2018

Language: Malay

Section: Nasional

Page: 14

Macau Scam: Jangan panik terima panggilan, lapor segera

Masyarakat harus lebih peka, mangsa kerugian lebih RM7 juta

SHAH ALAM: Polis menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah panik jika menerima panggilan telefon daripada mana-mana 'agensi kerajaan' yang meminta mereka memindahkan wang ke akaun lain kerana dikhuatiri ia merupakan taktik penyamaran Macau Scam.

Ketua Polis Selangor, Datuk Mazlan Mansor berkata masyarakat seharusnya lebih peka dengan situasi tersebut kerana operasi sindiket penipuan itu dilihat semakin berleluasa apabila jumlah kerugian mangsa melebihi RM7 juta dalam tempoh hanya dua minggu.

Beliau berkata antara agensi yang sering dipilih menjadi medium penyamaran sindiket bagi menipu mangsa adalah polis, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam), Pasukan Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA), Jabatan Kesihatan dan Bank Negara Malaysia (BNM).

"Berdasarkan statistik pada Januari hingga 17 Julai lepas, kerugian mangsa Macau Scam dicatatkan sebanyak RM16 juta namun sehingga semalam (kelmarin), jumlahnya terus meningkat kepada RM23.8 juta menerusi 447 kes.

"Ini menunjukkan masyarakat masih tidak peka dan terus terpedaya dengan panggilan telefon mencurigakan itu.

"Sekiranya masyarakat ada menerima panggilan daripada agensi tertentu yang menyuruh mereka memindahkan wang ke akaun lain, segera laporkan kepada pihak berkuasa. Kita kena sentiasa berhati-hati, jangan sudah duit kena tipu, baharu nak lapor kepada polis," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Tegas beliau, sindiket penipuan berkenaan juga tidak



BAHAN BUKTI: Mazlan (tiga, kiri) menunjukkan barang yang dirampas daripada anggota sindiket Macau Scam yang melibatkan warganegara Korea Selatan pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjan Selangor (IPK), semalam. — Gambar Bernama

“Mereka ini akan dilatih untuk menelefon mangsa penipuan dan ada sindiket membayar anggota mereka sebanyak RM2,000 sebagai komisen. Jika ada masyarakat yang diasak untuk bekerja sebegini, tampil dan lapor kepada polis.”

Datuk Mazlan Mansor
Ketua Polis Selangor

memilih mangsa dan mereka membuat panggilan telefon secara rawak sehingga ada golongan profesional seperti doktor serta pensyarah turut diperdaya.

Menurut Mazlan, sejak Januari hingga semalam, penyamaran sebagai pegawai polis oleh anggota sindiket Macau Scam menunjukkan jumlah kerugian mangsa yang tertinggi iaitu RM14.8 juta menerusi 334 kes mana-

kala 100 kes penyamaran sebagai wakil BNM memabitkan kerugian RM8.2 juta.

Selain itu, tujuh kes penyamaran sebagai pegawai SPRM melibatkan kerugian mangsa sebanyak RM720,000; dua kes sebagai pegawai Kastam (RM82,600); tiga kes sebagai pegawai AMLA memabitkan kerugian RM63,760 dan satu kes menjadi wakil Jabatan Kesihatan

(RM61,500).

Ditanya mengenai cara sindiket merekrut anggota, Mazlan berkata siasatan awal mendapati mereka akan menasihatkan golongan pencari kerja, kononnya menawarkan pekerjaan di pusat-pusat panggilan yang mungkin tidak wujud.

"Mereka ini akan dilatih untuk menelefon mangsa penipuan dan ada sindiket membayar anggota mereka sebanyak RM2,000 sebagai komisen. Jika ada masyarakat yang diasak untuk bekerja sebegini, tampil dan lapor kepada polis," katanya.

Sehubungan itu, Mazlan sekali lagi menasihatkan orang ramai supaya terus menghubungi pihak berkuasa atau institusi kewangan jika menerima panggilan mencurigakan yang meminta maklumat perbankan mahupun disuruh memindahkan wang ke akaun tertentu bagi membanteras kegiatan Macau Scam. — Bernama